



KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

## SIARAN MEDIA

### KPKT BERJAYA SERIKAN PINTU MASUK NEGARA DI KLIA DALAM TEMPOH 6 BULAN

---

**SEPANG, 9 Februari 2026** – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menerusi Jabatan Lanskap Negara (JLN) telah berjaya **memperindahkan pintu masuk negara di Terminal 1 Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA 1) dalam tempoh 6 bulan.**

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming berkata usaha gigih ini merupakan inisiatif kementerian bagi memberikan para pelancong impresi awal yang indah sempena Tahun Melawat Malaysia 2026 (VM2026).

“Pelaksanaan pembangunan dengan peruntukan sejumlah RM3.0 juta dilaksana secara **fast track project** iaitu dalam tempoh enam (6) bulan yang telah dapat menjimatkan masa, tenaga serta kos pembangunan.

“Landskap yang disediakan ini dapat memberikan pemandangan yang indah permai kepada pelancong selain menjadi daya tarikan bagi mereka yang melawat negara kita. Ini secara tidak langsung, meningkatkan Return on Investment (ROI) bagi negara melalui peningkatan kadar pengunjung luar negara,” kata beliau.

Bertemakan ‘**Harmony in Diversity**’, projek pembangunan pintu masuk yang julung kali dilaksanakan KPKT ini, menerapkan reka bentuk pembangunan yang mencerminkan kekayaan budaya, warisan, kepelbagaian kaum, sumber alam semula jadi dan biodiversiti di Malaysia.

“Saya juga ingin menyeru semua Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk sentiasa berusaha bagi meningkatkan imej serta identiti kawasan pentadbiran masing-masing supaya ia lebih indah dan menarik. Saranan turut diberikan supaya jalan-jalan protokol dan pintu masuk utama turut diperindah dengan penanaman variasi tanaman tropika yang menarik dan melambangkan keunikan negara.

Kawasan pembangunan projek tersebut dibahagikan kepada 4 Zon utama iaitu:

1. Zon A - Pembangunan di Bangunan Terminal 1 dan 2 yang melibatkan penyediaan *vertical landscape*
2. Zon B - Pembangunan landskap di sebahagian tepian jalan utama keluar dari bangunan terminal
3. Zon C - Jajaran Belantara
4. Zon D - Gerbang MADANI yang merupakan zon pembangunan dengan pembinaan Welcoming Sinage - "Welcome to Malaysia" yang dilengkapi penanaman pokok-pokok renek tropika dan pencahayaan lampu solar.

Majlis perasmian ini turut dihadiri oleh Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Datuk Hajah Aiman Athirah binti Sabu; Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Datuk Wira Dr. M Noor Azman Bin Taib; Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan dan Pembangunan) Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), YBhg. Datuk Mohd Zamri bin Mat Zain; Pengarah Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) Jabatan Perdana Menteri, Negeri Selangor, YBhg. Dato' Haji Mohd Khidir bin Majid; Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara, YBrs. Encik Mansor bin Mohamad; Pengarah Urusan Malaysia Airports, YBhg. Dato' Mohd Izani bin Ghani, serta pegawai-pegawai kanan KPKT, MOT dan Malaysia Airports.

#MalaysiaMADANI  
#Kemampuan  
#Kesejahteraan  
#StrongerTogether  
#DemiPertiwi  
#UnityInDiversity  
#RancarkanMADANI

---

*Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan (8) Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).*

Dikeluarkan oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan  
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)

**UKK**  
K P K T